

**ARAH-ARAH PERKEMBANGAN  
KEBUDAYAAN MELAYU:  
SUATU PENILAIAN**

**THAM SEONG CHEE**

**No 11**

**Academic Session 1993/94**

**ISBN 9971-62-328-5**

**Department of Malay Studies  
National University of Singapore**

## **FOREWORD**

I am pleased to write this short foreword to introduce the Department's Seminar and Occasional Papers Series. The series provides the opportunity for staff members of the Department as well as scholars of Malay Studies in general to have their research findings on Malay subjects made known to a wider audience. It is also hoped that this initiative will provide the avenue for a beneficial exchange of ideas and viewpoints on Malay issues between town and gown.

The Department would like to thank Hotel Properties Pte Ltd for sponsoring the publication of the series.

Finally, it should be mentioned that the views expressed in the seminar and occasional papers series are those of the respective authors.

4 October 1993

Professor Tham Seong Chee  
Head  
Department of Malay Studies

# **ARAH-ARAH PERKEMBANGAN KEBUDAYAAN MELAYU - SUATU PENILAIAN**

**THAM SEONG CHEE**

## **Pengenalan**

Dua fakta terus menentukan sifat dan arah perkembangan kebudayaan Melayu di Asia Tenggara. Pertamanya, ialah kenyataan bahawa kebudayaan Melayu yang wujud kini merupakan produk dari proses budaya kumulatif bermula dengan kedatangan unsur-unsur budaya Hindu-Buddha, disusuli dengan agama dan peradaban Islam dan munculnya penjajahan kolonial dari kurun tujuh belas. Pengaruh-pengaruh dari kebudayaan Hindu-Buddha serta agama dan peradaban Islam tidaklah dikaitkan dengan penguasaan politik seperti penjajahan kolonial. Keduanya ialah akibat dari pengaruh-pengaruh budaya tersebut muncul bukan suatu kebudayaan Melayu yang sama buat keseluruhan alam Melayu di Asia Tenggara tetapi beberapa bentuknya tiap-tiap satunya berakibatkan dari sifatnya proses penemuan budaya yang dialami dan naik atau turunnya kedudukan kuasa politik atau niaga suku-suku Melayu tertentu dari kurun 16.

Di alam Melayu seperti diketahui pernah timbul dua kuasa maritim besar iaitu Srivijaya dari kurun 8 hingga ke kurun 12 dan Melaka dari kurun 14 hingga ke kurun 16. Walau bagaimanapun antara kurun 17 dan kurun 19, terdapat beberapa kuasa daerah di alam Melayu antaranya ialah Aceh, Patani, Johor-Riau-Lingga, Siak-Kampar-Indragiri, Brunei dan Sulawesi Selatan. Tiap-tiap suatu daripada daerah

tersebut boleh dianggap pusat kebudayaan dalam kerangka kebudayaan Melayu dan oleh itu harus diakui sebagai penyumbang penting dalam sejarah pertumbuhan kebudayaan Melayu. Seperti diketahui orang-orang Aceh, Minangkabau, Siak, Sulawesi (Bugis) dan Brunei dalam jangkamasa-jangkamasa tertentu pernah dan terus meninggalkan kesan-kesan penting dalam evolusi kebudayaan Melayu.

Kini dengan sempadan-empadan politik yang ada termasuk kewujudan masyarakat-masyarakat Melayu yang mempunyai ciri-ciri ubahsuaian berlainan konsep kebudayaan Melayu sebagai sesuatu yang berpadu atau unitary dalam ertikata sepenuhnya amatlah sukar untuk dipertahankan. Hakikat bahawa 'alam Melayu kini terdiri dari negara-negara berlainan dengan prioriteit-prioriteit pembangunan masing-masing (termasuk juga polisi-polisi kebudayaan) menggariskan semula kenyataan bahawa kebudayaan Melayu tidak boleh dilihat sebagai suatu kewujudan sama atau terdorong oleh kondisi-kondisi yang sama. Namun cara-cara ubahsuaian berlainan itu telah dan terus memperkayakan kebudayaan Melayu. Juga boleh disimpulkan bahawa kebudayaan-kebudayaan sekitar akan terus mempengaruhi kebudayaan Melayu dalam bidang-bidang tertentu bergantung kepada faktor-faktor seperti kedekatan, struktur ethnic, faham politik, dan kegiatan-kegiatan ekonomi.

Boleh dikatakan bahawa kebudayaan Melayu sebagai suatu kenyataan wujud dalam dua peringkat iaitu peringkat rantauan (regional level) dan peringkat tempatan (local level). Yang dianggap kebudayaan Melayu rantauan adalah terdiri dari ciri-ciri budaya yang dikongsi bersama oleh negara-negara di Asia Tenggara yang menganggap diri mereka sebagai penganut-penganut kebudayaan Melayu.

Antara ciri-ciri budaya tersebut termasuk bahasa, agama, sistem kekeluargaan, adat resam dan sistem pemerintahan berasaskan pada institusi kesultanan. Juga pertanian masih merupakan batu asas dalam sistem ekonominya.

Berbanding dengannya, kebudayaan Melayu tempatan atau nasional menampakkan ciri-ciri budaya khusus baginya sesuai dengan latar belakang dan kondisi-kondisi kewujudan masing-masing. Oleh itu dapatlah dianggap bahawa kebudayaan Melayu Brunei adalah berbeza dengan kebudayaan Melayu Malaysia dari aspek-aspek tertentu. Begitu juga kebudayaan Melayu Malaysia berbeza dengan kebudayaan Melayu Singapura dari aspek-aspek tertentu dan seterusnya.

Perbezaan antara kebudayaan Melayu rantauan dengan kebudayaan Melayu tempatan boleh dianggap berselarasan dengan perbezaan antara *langue* dan *parole* dua konsep digunakan Ferdinand de Saussure dalam menggambarkan bahasa. *Langue* adalah sistem tatabahasa terdiri dari kaedah-kaedah/norma-norma tatabahasa yang normatif sedangkan *parole* adalah ciri-ciri khusus dikaitkan dengan penggunaan sesuatu bahasa.

*Langue* merupakan kewujudan yang lebih kurang mantap sedangkan *parole* disifatkan oleh perubahan, penyesuaian, keanekaragaman, kedinamikan dan keunikan. Yang jelas ialah *langue* sebagai suatu kewujudan tidak boleh dipisah dari *parole* sebagai suatu kewujudan. Demikian juga keadaannya dengan kebudayaan Melayu rantauan dengan kebudayaan Melayu tempatan. Kedua-duanya saling hubung-menghubungi dan kait-mengait laksana proses dialetik di mana sifat sesuatu mempengaruhi sifat yang lain dan sebaliknya.

Walaupun bagaimanapun tidak seperti *langue*, kebudayaan Melayu rantauan tidak boleh dijadikan ukuran dalam menentukan kebenaran (authenticity) dan ketepatannya (correctness) sepenuhnya. Hal sebenarnya, soal kebenaran dan soal ketepatan harus ditentukan oleh *parole* atau kebudayaan Melayu tempatan sesuai dengan keadaan-keadaan kewujudannya.

Difahami demikian, apa yang dianggap kebudayaan Melayu rantauan merupakan suatu susunan ide, institusi dan simbol dikongsi bersama sebagai suatu warisan bersama daripada suatu kenyataan hidup yang dihayati bersama dalam ertikata sepenuhnya. Dalam kata-kata lain apa yang dimaksudkan kebudayaan Melayu rantauan tidak menolak keunikan kebudayaan Melayu tempatan.

Hakikatnya ialah kebudayaan Melayu tempatan dalam bentuk-bentuk berlainannya akan memberikan makna dan identiti kepada kebudayaan Melayu rantauan dan tidak sebaliknya. Oleh itu perlu diakui peranan utama tiap suatu kebudayaan Melayu tempatan dalam membentuk kebudayaan Melayu keseluruhannya. Kedua-dua perspektif berhubung dengan kebudayaan Melayu perlu difahami. Kesimpulannya untuk menjadikan kebudayaan Melayu rantauan setara kebudayaan Melayu tempatan harus diutamakan. Dalam kata-kata lain kebudayaan Melayu rantauan merupakan aspek abstrak atau mujarrad sedangkan kebudayaan-kebudayaan Melayu tempatan adalah aspek yang hidup dan maujud/konkrit.

## **Penemuan (Convergence) dan Penyimpangan (Divergence) dalam Kebudayaan Melayu**

Yang jelas, aspek penemuan harus dilihat bersama dengan kebudayaan Melayu rantauan sedangkan aspek penyimpangan harus dilihat bersama dengan kebudayaan Melayu tempatan. Proses penemuan seterusnya boleh dilihat dari segi sejarahnya dan juga dari segi hari mukanya. Begitu juga halnya dengan aspek penyimpangan yang mempunyai segi masa lampunya dan segi masa depannya.

Maka untuk memahami kebudayaan Melayu sebagai suatu kewujudan kedua-dua aspek iaitu aspek penemuan dan aspek penyimpangan perlu dilihat bersama. Baik di masa lampau mahupun di masa sekarang (termasuk juga masa akan datang) kedua-dua proses tersebut telah dan akan terus memainkan peranan penting dalam membentuk kebudayaan Melayu baik pada peringkat rantauan mahupun pada peringkat tempatan. Maka soalnya ialah bila dan bagaimana kebudayaan Melayu rantauan menjadi kebudayaan Melayu tempatan dan sebaliknya?

### **Proses Penemuan - Dahulu dan Sekarang**

Dari suatu segi boleh dikatakan bahawa negara-negara Asia Tenggara yang menganggap diri mereka sebagai penganut-penganut kebudayaan Melayu lebih mencerminkan keanekaragaman daripada keseragaman. Keseragaman itu merupakan ciri-ciri budaya dasar dikait dengan kebudayaan Melayu rantauan. Dari segi tertentu tidak dapat dinafikan bahawa keseragaman itu tetap wujud. Apakah ini merupakan suatu kontradiksi dan penghuraiannya suatu tautologi?

Untuk menjawabnya perlu dilihat kembali proses perkembangan kebudayaan Melayu di Asia Tenggara. Mungkin pada suatu waktu lampau sebelum masuknya pengaruh-pengaruh budaya Hindu-Buddha dan Islam terdapat suatu kebudayaan Melayu yang boleh dianggap seragam dalam erti kata kedua-dua kewujudan *langue* dan *parole* menjadi suatu. Hal sebenarnya pendirian seperti ini juga tidak dapat dipertahankan merujuk kepada kenyataan-kenyataan kaji purba dan anthropologi yang ada. Tentu dunia Melayu pada masa itu merupakan sesuatu yang belum menjalani pengaruh-pengaruh besar dari budaya-budaya luar seperti yang diwakili oleh kebudayaan Hindu-Buddha dan kebudayaan Islam namun sudah terdapat pengaruh-pengaruh dari luar pada corak-corak hidup masyarakat tempatan terdiri dari orang Melayu dan bangsa-bangsa serumpun. Kebudayaan Melayu kini boleh dikatakan bermula dengan gelombang-gelombang penghijrahan manusia dari tanah besar Asia. Walaupun begitu gelombang-gelombang penghijrahan manusia tersebut tadi tidak membawa pengaruh dan kesan yang sama pada tiap-tiap daerah tergolong sebagai alam Melayu.

Keadaan sama boleh diperhatikan dengan datangnya kebudayaan Hindu-Buddha dan kebudayaan Islam. Tiap-tiap suatu kebudayaan tersebut telah membentuk corak-corak adaptasi pada daerah-daerah yang berlainan sesuai dengan keadaan-keadaan hidup yang dihadapi masing-masing. Maka oleh itu andaian bahawa kebudayaan Melayu hanya berubah dengan datangnya kebudayaan Hindu-Buddha dan kebudayaan Islam tidaklah dapat dipertanggungjawab dengan bukti-bukti yang ada.

Apa yang boleh dianggap faktor penemuan menyeluruh adalah bahasa Melayu - yang semenjak kurun 7 (zaman permulaan kuasa maritim Sriwijaya) telah meluas dan



berkembang sehingga menjadi aspek terpenting dalam mendukung konsep kebudayaan Melayu rantauan sesuatu perkembangan dimungkinkan kerana bahasa Melayu digunakan sebagai bahasa perdagangan serantau dan pemakaiannya sebagai bahasa istana oleh kesultanan-kesultanan Melayu. Peranannya sebagai bahasa ilmu dan intelektual dari tahun-tahun dua-puluhan dan tiga-puluhan khususnya merupakan suatu sebab penting juga.

Tidak dapat dinafikan bahawa bangsa terus menjadi faktor penting dalam membuat huraian tentang kebudayaan Melayu. Seperti diketahui kebudayaan Melayu adalah dikaitkan dengan bangsa Malayo-Austronesian iaitu bangsa-bangsa serumpun yang menduduki wilayah Hesperonesia. Walau bagaimanapun konsep bangsa Melayu perlu dilihat sebagai sesuatu yang terus menghayati proses ubah-ansur atau evolusi dalam erti kata terdapat kombinasi-kombinasi faktor berlainan yang mempengaruhi dan membentuk pertumbuhan bangsa Melayu sebagai suatu kelompok manusia dan dengan itu membawa hasil-hasil berlainan.

Apa pula dengan agama sebagai asas kebudayaan?

Pentingnya agama Islam sebagai dasar dan ilham kebudayaan Melayu tidak dapat dinafikan. Walaupun orang Melayu beragama Islam namun peranan agama Islam dalam membentuk kebudayaan Melayu perlu mengambil kira negara-negara tergolong dalam konsep alam Melayu yang terdiri dari golongan-golongan ethnik dan agama-agama berlainan. Atas pilihan dan juga atas pengenalan terhadap pentingnya memelihara kemantapan negara, tiap negara tidak membentuk sistem pentadbiran dan

politiknya berasaskan sesuatu agama tertentu. Ideologi nasional Indonesia adalah Pancasila. Di Malaysia walaupun agama Islam diiktiraf agama nasional namun Perlembagaannya menjamin kebebasan atau hak asasi dalam mengamalkan agama lain. Di Singapura, dasar yang diikuti adalah dasar berbilang bangsa, berbilang bahasa dan berbilang agama. Dapat disimpulkan bahawa peranan agama Islam dalam mempengaruhi pertumbuhan kebudayaan Melayu dilihat dari segi kebudayaan Melayu tempatan akan bergantung kepada keadaan-keadaan khusus yang dihadapi serta dasar pembangunan negara yang dianuti. Pemerhatian ini tidak menidakkan kenyataan bahawa agama Islam akan terus mewarna-warnikan pemikiran, emosi dan nilai-nilai penganut-penganut kebudayaan Melayu bahkan akan terus dijadikan asas-asas kukuh dalam hidup.

### **Proses-proses Penyimpangan - Dahulu dan Sekarang**

Rantau yang disebut alam Melayu merupakan suatu daerah yang amat luas - kenyataannya terbayang dengan keanekaragaman golongan-golongan ethnik (walaupun serumpun bangsa) bahasa, corak-corak hidup dan kepercayaan. Mungkin alam sekitar yang lebih kurang sama (tanah untuk menanam padi, hutan rimba untuk mendapati barang-barang mentah yang diperlukan baik untuk penggunaan mahupun perdagangan; air terdiri dari sungai dan laut dari mana terdapat bahan-bahan makan dan air untuk pengangkutan) menghasilkan moda-moda adaptasi yang lebih kurang sama semenjak zaman silam. Kebudayaan Melayu juga boleh dikatakan merupakan kebudayaan masyarakat-masyarakat pesisir daripada masyarakat-masyarakat dalaman.

Kedatangan pengaruh-pengaruh budaya Hindu-Buddha bolehlah dianggap titik permulaan dalam proses transformasi dari sebuah masyarakat yang menegaskan prinsip kognatik atau sekeluarga (Wolters, 1982) ke sesuatu yang menegaskan status dan differensiasi iaitu menuju menjadi sebuah masyarakat berstruktur terdiri dari dua golongan sosial: golongan bangsawan atau aristokrat dan golongan bawahan atau rakyat jelata. Serentak dengannya telah wujud dua manifestasi budaya: kebudayaan tinggi dikaitkan dengan istana dan kebudayaan bawahan dikaitkan dengan rakyat jelata. Aspek budaya tersebut masih penting dalam kebudayaan Melayu kini.

Apabila kebudayaan Islam menggantikan kebudayaan Hindu-Buddha dari kurun empat-belas kedudukan sosial dan politik golongan bangsawan terus diperkukuhkan dan dengan itu struktur sosial masyarakat Melayu juga. Pengaruh kebudayaan Islam lebih meluas dan mendalam antara orang-orang Melayu yang terdapat di kota. Di pedalaman sisa-sisa kepercayaan lama atau animisme termasuk Hindu-Buddha masih berpengaruh.

Waktu antara kurun lima-belas sebelum Masihi dan kurun dua puluh dapatlah dianggap zaman kenaikan pengaruh agama Islam sebagai terpenting dalam membentuk sifat dan arah perkembangan kebudayaan Melayu. Pengamalan Islam telah mengakibatkan perubahan "worldview" orang Melayu serentak dengannya pemusnahan unsur-unsur kepercayaan animisme dan Hindu-Buddha yang tidak cocok dengan konsep Tauhid. "World-View" baru itu masih dalam proses ubahansur.

Tentu pengaruh agama Islam (berbanding dengan peradaban Islam) terhadap proses perkembangan kebudayaan Melayu menghayati cabaran-cabaran tertentu dari sumber-sumber tertentu. Pasti yang terpenting adalah kesan-kesan dari pemerintahan kolonial kira-kira dari kurun enam belas bermula dengan jatuhnya kerajaan Melayu Melaka pada TM1511 hingga ke tahun-tahun lima puluhan kurun ini. Selain dari orang Portugis yang telah mencampur-adukkan agama dengan perdagangan dan pemerintahan kuasa-kuasa kolonial lain iaitu Belanda dan British bersikap "membiar" dalam hal-hal budaya dan keagamaan melainkan sekiranya kepentingan-kepentingan ekonomi dan politiknya terancam. Yang diutamakan mereka adalah perdagangan antarabangsa berasaskan ideologi kapitalisme. Negeri-negeri Melayu di Semenanjung misalnya telah ditadbir dengan orang British menguasai bidang ekonomi kapitalisme berpusat di bandar dan orang Melayu diberi hak untuk memelihara kebudayaan dan agamanya. Untuk memelihara kemantapan politik khususnya dalam perhubungan antara kaum kuasa British mengharamkan sebarang usaha dalam mengubah agama orang Melayu.

Sikap pemerintah kolonial tersebut telah membawa kesan-kesan tertentu terhadap perkembangan kebudayaan Melayu. Walaupun polisi pemerintah kolonial menjamin kemantapan sosial dan politik dalaman namun ia telah melindungi kebudayaan Melayu dari pengaruh-pengaruh moden khususnya pengaruh-pengaruh sains dan teknologi. Boleh dikatakan pemerintahan kolonial telah menguatkan sistem nilai serta struktur sosial masyarakat Melayu. Oleh itu agama Islam tidak dapat merealisasikan kemungkinan sepenuhnya dalam membentuk kebudayaan Melayu.

Apa yang dipaparkan tadi tidak bermakna pemerintahan kolonial tidak membawa sebarang kesan terhadap orang Melayu dan kebudayaannya. Walau bagaimanapun pemerintahan kolonial telah mencipta suatu sistem yang dikendalikan oleh tahanan-tahanan dalam (internal checks) danimbangan luar (external balances) dalam ertikata orang Melayu yang inginkan perubahan harus mematuhi peraturan-peraturan yang sedia ada dalam masyarakat Melayu itu sendiri dan apakah perubahan yang diinginkan itu dilihat seimbang dengan kehendak-kehendak yang memelihara kemantapan sebuah masyarakat kolonial.

Walaupun pemerintahan kolonial adalah bertanggungjawab dalam menentukan garis-garis perkembangan kebudayaan Melayu selanjutnya dengan didapati kini kebudayaan Melayu corak Indonesia di Sumatra; kebudayaan Melayu corak Malaysia di Semenanjung Malaysia; kebudayaan Melayu corak Brunei; kebudayaan Melayu corak Singapura; bahkan kebudayaan Melayu corak Sri Lanka, Afrika Selatan, Australia dan lain-lain lagi. Pemerintahan kolonial dapat disimpulkan telah membawa suatu dimensi lagi dalam sejarah pertumbuhan kebudayaan Melayu di Asia Tenggara.

Hal ini bermakna bahawa keadaan-keadaan tempatan serta kebudayaan kolonial berasaskan kebudayaan metropolitan (London, Amsterdam, Paris) dahulu dan sekarang terus memainkan peranannya dalam mempengaruhi dan membentuk kebudayaan Melayu. Di sinilah letaknya kesesuaian dan logik berhubung dengan pemakaian konsep kebudayaan Melayu peringkat rantauan dan konsep kebudayaan Melayu tempatan.

Apa yang dapat disimpulkan ialah penjajahan Barat telah menjadikan negara-negara alam Melayu sebahagian dengan sistem perdagangan dunia. Negara-negara alam Melayu mengeksport bahan-bahan mentahnya dan sementara itu mengimpor ide dan institusi baru khususnya dengan tujuan memodenkan sistem-sistem politik dan ekonominya. Serentak dengannya didirikan pula sistem pelajaran yang mengutamakan sains dan teknologi. Untuk menjamin bahawa perkembangan dan kemajuan dalam sains terus tercapai bahasa sejangat iaitu bahasa Inggeris dipelihara bahkan diperkukuhkan statusnya.

Perkembangan-perkembangan tersebut pada dasarnya tidak dapat dielakkan walaupun perlu ditegaskan mempunyai implikasi-implikasi tertentu terhadap kebudayaan Melayu baik dilihat sebagai kebudayaan Melayu rantauan mahupun sebagai kebudayaan Melayu tempatan. Yang nyata ialah kebudayaan Melayu tidak boleh melindungi dirinya daripada proses-proses global yang makin lama makin menyeluruh. Begitu juga ia tidak boleh mengendahkan pengaruh-pengaruh dari luar terhadap sistem nilai dan corak-corak hidup dalam masyarakat.

Kini apa yang menyifatkan dunia ialah suatu susunan sikap sama dikongsi bersama oleh penduduk-penduduk tiap-tiap negara. Antara unsur-unsur penting susunan sikap tersebut ialah: nasib manusia terletak di tangannya sendiri; kebebasan dan demokrasi; ilmu sebagai asas untuk kemajuan; kesetarafan sosial; dan persamaan hak.

Seperti dinyatakan oleh Ohmae (1993), pembangunan perniagaan serta perdagangan antarabangsa berkehendakkan sebuah dunia tanpa sempadan.

Tetapi sementara itu, keperluan-keperluan pembangunan nasional berkehendakkan pengasingan daripada pepaduan. Apa yang nyata ialah sesebuah negara yang inginkan pembangunan tidak dapat tidak harus cuba mengimbangi kedua-dua kehendak tersebut tadi.

Sikap-sikap tersebut pasti mempunyai kesan-kesan tertentu baik positif mahupun negatif terhadap kebudayaan dan kemajuannya dari segi-segi kebudayaan difahami dalam masyarakat serta cara-cara yang dianggap sesuai untuk memapar dan mengembangkannya. Apa yang boleh dianggap soal penting ialah bagaimana sikap-sikap tersebut tadi dapat dikuasai dan diarah untuk tujuan-tujuan budaya yang memanfaatkan. Maka apa yang dianggap memanfaatkan perlu dipertimbangkan dari dua segi yang berkaitan iaitu apakah perkembangan-perkembangan budaya yang dipupuk itu memenuhi kemahuan-kemahuan perkembangan negara dan apa pula perkembangan-perkembangan budaya yang dipupuk itu mengambil kira sistem hidup global yang berubah-berubah. Cabaran besar bagi kebudayaan tempatan khususnya ialah bagaimana pembangunan budaya dapat dilakukan dengan memperhatikan perubahan dan kesinambungan.

### **Ke Arah Mencari Penyelesaian**

Dengan tren menuju ke globalisasi (sebahagian besarnya akibat dari bertambahnya ikatan-ikatan ekonomi antarabangsa) serta dengan meluasnya sikap-sikap hidup baru terbentang tadi maka cabaran yang dihadapi ialah bagaimana kedua-dua perkembangan tersebut tadi dapat dimanfaatkan.

Pada dasarnya cara memanfaatkannya mahu tidak mahu harus dilakukan pada peringkat kebudayaan Melayu tempatan dalam erti kata bahawa tiap-tiap negara yang menganuti kebudayaan Melayu perlu (sesuai dengan keadaan-keadaan negaranya termasuk prioriteit dalam pembangunan budaya) memutuskan apakah cara-cara yang terbaik demi memajukan kebudayaan Melayunya. Dengan cara demikian maka akhirnya kebudayaan Melayu keseluruhannya atau kebudayaan Melayu serantau akan diperkayakan dan dengan itu merealisasikan kemungkinan sepenuhnya kebudayaan Melayu.

Seperti dimaklumi kebudayaan itu bukanlah sesuatu yang beku. Tentu tradisi-tradisi serta institusi-institusi budaya yang diwarisi bersama itu penting namun apa yang lebih penting ialah bagaimana tradisi-tradisi dan institusi-institusi itu diberi nafas baru iaitu diperbarui dan diubahsuai untuk memenuhi kehendak-kehendak hidup baru. Untuk melakukannya secara berkesan tiap-tiap negara tergolong dalam konsep alam Melayu harus mencari penyelesaian-penyelesaian sendirinya. Pendekatan tersebut tidak akan memecahbelahkan kesatuan kebudayaan Melayu bahkan sebaliknya akan memajukan sifat dan kedudukannya.

Pusat-pusat tradisi kebudayaan Melayu bolehlah dianggap terdiri dari masyarakat Melayu di Sumatra Timur; masyarakat Melayu di negeri-negeri Melayu Semenanjung Malaysia; masyarakat Melayu di Brunei (dari segi sejarah mencakupi Sarawak dan Sabah); dan masyarakat Melayu Sulawesi. Kebudayaan Melayu di Singapura bolehlah dianggap berasaskan pada kebudayaan Melayu Johor-Riau-Lingga namun perkembangannya kini dipengaruhi oleh sifat berbilang bangsa dan budaya masyarakat



Singapura serta kedekatannya dengan Malaysia dan Indonesia. Tiap-tiap suatu pusat budaya tadi bolehlah dianggap mewakili suatu tradisi kebudayaan Melayu dengan potensi dan ciri-ciri khususnya.

Kebudayaan bolehlah dianggap masyarakat dalam perkembangan. Kenyataan ini perlu diakui dalam memahami kebudayaan Melayu. Tiap-tiap suatu pusat kebudayaan Melayu tersebut tadi akan terus berubah-ansur dengan merealisasikan kekuatan-kekuatan dan kelebihan-kelebihannya. Daripada suatu pusat budaya yang memancar dorongan-dorongan budaya ke seluruh alam Melayu masa depan akan menyaksikan beberapa pusat budaya yang berfungsi demikian. Proses pengembangan budaya lebih merupakan 'multi-polar' daripada 'unipolar'. Perkembangan tersebut akan memanfaatkan kebudayaan Melayu dengan mewujudkan bentuk-bentuk budaya yang inovatif.

Walau bagaimanapun konsep dunia Melayu terdiri dari masyarakat-masyarakat yang menganuti kebudayaan Melayu akan tetap menjadi suatu kepaduan disebabkan dua aspek kebudayaan dikongsi bersama iaitu bahasa Melayu dan agama Islam. Boleh dikatakan bahawa bahasa Melayu dan agama Islam akan terus menjadi teras untuk pembangunan kebudayaan Melayu. Tetapi kedua-dua aspek perlu dilihat sebagai sumber-sumber utama dalam pembangunan kebudayaan Melayu daripada dianggap kebudayaan Melayu per se. Seperti diketahui terdapat masyarakat Islam yang tidak mengamalkan kebudayaan Melayu. Begitu juga orang yang menggunakan bahasa Melayu tidak semesti mengamalkan kebudayaan Melayu.

Pada dasarnya sesuatu kebudayaan perlu dianggap pelayan yang fungsinya adalah untuk melayani kemahuan-kemahuan masyarakat. Jika didapati kurang memuaskan boleh diganti atau dilucut.

Proses globalisasi antara lain menghasilkan kebudayaan beramai-ramai (mass culture) yang tidak mengenali sempadan-sempadan nasional. Cabaran bagi pembangunan kebudayaan di peringkat negara bukan sahaja terbatas pada kawalan (iaitu menentukan bahawa ciri-ciri buruk dari kebudayaan massa itu tidak merosakkan nilai-nilai Melayu yang dianggap baik) tetapi pada pembentukan dan penyebaran kebudayaan elite tempatan kepada orang ramai. Kebudayaan elite tempatan tersebut umumnya memerlukan pembentukan dan pemupukan. Asasnya hendaklah diletak oleh golongan elite Melayu moden yang mempunyai fahaman mendalam tentang kebudayaan Melayu dan tradisinya. 'Moden' diertikan sini sebagai orang-orang yang memahami kebudayaan yang telah diwarisinya serta memahami kebudayaan global terdiri dari ide-ide dan aspek-aspek ilmu yang berkemungkinan membawa kesan mendalam terhadap hidup manusia keseluruhannya. Dalam hal ini dapat dilihat bahawa pada umumnya tindak balas berasaskan ilmu pengetahuan sains terhadap kehendak-kehendak hidup akan menentukan pembangunan budaya. Sesuatu kebudayaan tidak dicipta atau dikembangkan tanpa sebab-sebab tertentu. Maka dapat disimpulkan sesuatu kebudayaan merupakan suatu tindak balas kolektif terhadap kehendak-kehendak hidup dan mencakupi aspek-aspek sosial, ekonomi, politik dan agama. Ilmu pengetahuan sains adalah bahasa sejagat dalam proses globalisasi. Oleh itu mungkin lebih baik perhatian dialih kepada suatu soal berkaitan iaitu peradaban atau tamadun.

### **Kebudayaan Melayu dan Tamadun Melayu**

Berasaskan pada aspek-aspek pembicaraan terbentang tadi apakah lebih baik diperkatakan tamadun Melayu daripada kebudayaan Melayu? Hal yang telah dititikberatkan sampai sekarang ini ialah bahawa tidak terdapat suatu kebudayaan Melayu di alam Melayu tetapi beberapa bentuk atau perwujudannya. Tiap-tiap satunya ditentukan oleh sifat golongan-golongan elita dalam masyarakat.

Mungkin ada baiknya sekiranya konsep kebudayaan Melayu rantauan itu dilihat bersama dengan konsep tamadun Melayu dalam erti kata kedua-duanya berpadu.

Terdapat tamadun yang telah lenyap, tamadun yang terus berkembang dan tamadun dalam proses berkembang. Sesuatu tamadun boleh ditentukan dengan memakai ukuran-ukuran berlainan seperti misalnya tamadun Buddha yang menegaskan agama sebagai ukuran dasar. Begitu dengan tamadun Islam yang memperhatikan agama sebagai ukuran utama pada dasarnya. Pada kurun lima belas dan sebelumnya pernah diterima kenyataan bahawa Eropah mewakili pusat buat tamadun Kristian.

Tetapi apa pula dengan peradaban Yunani, tamadun Mesir, tamadun India, tamadun Tionghoa dan juga tamadun Arab? Kesemuanya boleh dianggitkan mengaitkan tamadun dengan bangsa yang telah mendirikannya sebagai ukuran penting. Fahaman tersebut menegaskan kenyataan bahawa tiap suatu bangsa yang telah memberikan namanya bagi suatu tamadun disebabkan pencapaiannya sebagai suatu bangsa dalam bidang-bidang hidup tertentu (sains, teknologi, falsafah, agama, seni, perdagangan dan pemerintahan). Sesuatu peradaban tidak sahaja dikaitkan dengan suatu bangsa tertentu

yang menduduki rantau geografis tertentu tetapi melalui pencapaian-pencapaiannya mempengaruhi cara-cara hidup dan berfikir masyarakat-masyarakat lain.

Kebudayaan adalah asas untuk membina tamadun. Kebudayaan adalah unik sedangkan tamadun adalah pencapaian-pencapaian kumulatif yang unik. Jelas sesuatu tamadun mempunyai identiti, tradisi dan sejarah khusus berlaku sebagai *super-structure* yang memadukan kelompok-kelompok manusia yang menduduki suatu rantau tertentu. Tamadun merupakan sesuatu cara khusus dalam memahami manusia sebagai suatu makhluk: kaitannya manusia dengan alam sekitar termasuk kuasa-kuasa spiritual; fikiran-fikiran asas tentang kelakuan bermoral; ciptaan-ciptaan dalam bentuk sastera, tarian, nyanyian, usaha-usaha kreatif lain untuk menyebarkan dan mengekalkan ciri-ciri utamanya; dan suatu sistem ekonomi yang dapat mendukung corak hidup berkaitan dengannya.

Seperti diketahui negara-negara Asia Tenggara dipengaruhi oleh tiga tamadun utama iaitu tamadun Buddha (Thai, Myanmar, Laos dan Kemboja); tamadun Islam (Malaysia, Indonesia, Brunei); dan tamadun Kristian (Filipina). Singapura boleh dikatakan menampakkan ketiga-tiga jenis tamadun tersebut tadi. Tambahan lagi dapat dikatakan bahawa penduduk-penduduk Asia Tenggara yang berketurunan Tionghoa kebanyakannya juga dipengaruhi oleh tradisi atau tamadun Confucius - suatu tamadun yang boleh dianggap tamadun Asia Timur.

Boleh disimpulkan bahawa kebudayaan-kebudayaan Asia Tenggara akan terus dipengaruhi dan dibentuk oleh tamadun-tamadun tersebut iaitu tamadun-tamadun yang

dikaitkan dengan suatu tradisi keagamaan atau falsafah tertentu. Pengaruh itu begitu kuat dan mendalam sehingga dapat dikatakan bahawa masyarakat dan kebudayaan Asia Tenggara (khususnya negara-negara seperti Myanmar, Thai, Malaysia, Indonesia dan Brunei) umumnya berorientasi agama.

Walaupun begitu mungkin orang umum tidak akan menganggapkan kebudayaan Melayu sebagai tamadun Islam. Begitu juga kebudayaan Thai tidak mungkin disamakan dengan tamadun Buddha yang seperti diketahui mempunyai variasi-variasi bentuknya seperti yang terdapat di Tiongkok, di Sri Lanka dan di Jepun. Variasi bentuk tersebut sebahagian besar ditentukan oleh struktur sosio-politik tempatan serta ciri-ciri budaya yang sudah ada. Namun begitu sesuatu agama yang menjadi ilham tamadun seperti tamadun Islam tetap dijadikan asas hidup seperti misalnya dengan orang-orang Melayu. Dalam pada itu negara-negara Islam tidak mewakili suatu keadaan tamadun seragam (unitary condition). Begitu juga dengan tamadun-tamadun lain tidak kira apakah tamadun itu diasaskan pada suatu agama sejagat, suatu falsafah tegas atau suatu gaya hidup budaya yang menyeluruh.

Diertikan demikian, kini sesuatu tamadun sebenarnya merupakan suatu susunan ide atau kepercayaan iaitu suatu 'world-view' (weltstanchauung) diberi ilham agama atau falsafah dijadikan asas pembinaan masyarakat dan kebudayaan.

Dalam hal ini perlu dibezakan antara pengasas sesuatu tamadun dan pembina sesuatu tamadun. Buddha dan juga Confucius boleh dianggap pengasas dan bukan pembina tamadun oleh kerana ajaran-ajaran mereka membawa kesan-kesan nyata (dalam

mempengaruhi falsafah politik, seni, organisasi sosial, dan amalan-amalan budaya) hanya apabila diterima dan disokong oleh ketua-ketua negeri. Pada Nabi Muhammad bolehlah dianggap terdapat seorang yang telah berlaku sebagai pengasas dan pembina tamadun iaitu tamadun Islam.

Maka cabaran bagi pembangunan kebudayaan Melayu ialah terletak pada kesediaan masyarakat-masyarakat Melayu berlainan di alam Melayu merealisasikan ide-ide dan kepercayaan-kepercayaan terkandung dalam agama Islam dalam bentuk-bentuk praktikal sesuai dengan kondisi-kondisi hidup masing-masing. Pembentukan tamadun Melayu seperti dengan keadaan dahulu memerlukan sumbangan-sumbangan berlainan dari masyarakat-masyarakat Melayu berlainan di alam Melayu dengan memperhatikan kelebihan-kelebihan serta keadaan-keadaan hidup masing-masing. Ini pada akhirnya akan memperkayakan kebudayaan Melayu khususnya dan tamadun Islam umumnya. Pembangunan budaya tidak sahaja mematuhi ide-ide dasar terkandung dalam agama tetapi kepada struktur masyarakat dan pertemuan struktur masyarakat dengan pengaruh-pengaruh luar baik yang berbentuk budaya mahupun yang tidak. Ini dibayangkan secara nyata oleh masyarakat Melayu di mana nilai-nilai pasar (kapitalisme) mempengaruhi kelakuan ekonomik. Di bidang-bidang seperti nyanyian, seni bina, tari-menari, penulisan kreatif dan sebagainya unsur-unsur kemelayuan terus terpelihara dengan diresapi unsur-unsur bukan Melayu khususnya dari Barat. Keadaan seperti ini tidaklah luar biasa oleh kerana penyuburan budaya (culture enrichment) antara lain berkehendakkan sikap terbuka iaitu sesuatu yang ditunjukkan oleh sejarah perkembangan budaya Melayu di Asia Tenggara.

Maka soal utama ialah apakah kebudayaan Melayu yang berasaskan tamadun Islam akan lama kelamaan berkembang dan menjadi tamadun Melayu.

Proses globalisasi mempunyai dua kesan yang berlainan. Dari suatu segi ia berkecondongan menjadikan manusia lebih kurang sama dalam sikap dan kemahuan tetapi dari segi yang lain pula ia mewujudkan tentangan terhadap keseragaman dalam erti kata manusia inginkan perbezaan dan dengan itu akan mempertahankan keunikan budayanya. Keadaan seperti ini merupakan suatu paradoks sebenarnya suatu dialektik dalam pembangunan budaya kini.

Di zaman kolonial kebudayaan dan tamadun Barat bukan sahaja wujud sebagai 'super-structure' dalam masyarakat tetapi ditiru secara aktif. Kebudayaan-kebudayaan bukan Barat di Asia Tenggara tidak sahaja ditundukkan tetapi diasingkan pula suatu daripada yang lain. Kebudayaan dan tamadun Barat terus penting dalam pertumbuhan budaya tempatan namun kedudukan kemaharajalelaannya telah lenyap. Hal ini bermakna bahawa pertemuan atau kontak antara tradisi-tradisi budaya Asia akan bertambah semula dan apakah akibat-akibatnya nanti hanya dapat diduga.

Kini kemunculan dan kebangkitan tradisi-tradisi atau tamadun-tamadun Hindu, Confucius, Buddha, Islam termasuk juga Kristian di Asia khususnya mempunyai implikasi-implikasi penting dalam memahami pembangunan kebudayaan. Perkembangan tersebut terjadi serentak dengan globalisasi: yang pertama menegaskan perbezaan dan yang kedua keseragaman. Selama kedua-dua aspek tidak dicampuradukkan dalam perhubungan-perhubungan antara negara maka masalah-

masalahnya mungkin dapat dielakkan.

Dalam memperkatakan kebudayaan Melayu di hari ini maka dua soal memerlukan penghuraian iaitu (a) apakah proses pembangunan kebudayaan perlu dianggap sebagai usaha tertuju memperkayakan tamadun Islam dan (b) apakah proses pembangunan kebudayaan itu perlu tertuju membangunkan tamadun Melayu?

Kalau dilihat dari segi akibatnya mungkin tidak ada perbezaan besar kerana pencapaian atau kejayaan yang diperolehi oleh suatu akan menguntungkan yang lain dan sebaliknya. Tetapi mungkin yang berbeza ialah pendekatan yang akan dipakai iaitu sesuatu yang akan dipengaruhi oleh persepsi orang Melayu sendiri terhadap identiti dan rasa sejarahnya. Walau apapun, usaha-usaha yang dikehendaki dalam membina sesuatu tamadun adalah nyata. Ini memerlukan fahaman tegas tentang prinsip-prinsip binaan sesuatu tamadun.

### **Ringkasan dan Penutup**

Perbahasan yang telah dipaparkan menegaskan kenyataan bahawa konsep kebudayaan Melayu mempunyai dua bentuk. Yang satu wujud di peringkat rantauan dan yang lain wujud di peringkat tempatan. Walau bagaimanapun, konsep kebudayaan Melayu rantauan bermakna sekiranya dilihat sebagai suatu warisan bersama dikongsi bersama oleh penganut-penganut kebudayaan Melayu. Diertikan demikian konsep kebudayaan Melayu tidaklah terikat kepada sesuatu negeri atau daerah tertentu di Asia Tenggara tetapi merupakan suatu pencapaian bersama di mana tiap-tiap suatu negeri atau daerah telah dan terus memberi sumbangannya.



Tidak dapat dinafikan bahawa zaman lampau menyaksikan beberapa pusat budaya di alam Melayu yang telah memberi sumbangan lebih besar dalam membentuk kebudayaan Melayu: Pasai, Aceh, Patani, Siak-Kampar-Indragiri, Majapahit, Brunei, Maccasar dan lain-lain lagi. Walau bagaimanapun harus diingati terdapat beberapa pusat budaya tersebut yang telah hilang kedudukan utamanya. Hal sebenarnya perwujudannya bergantung kepada kegiatan-kegiatan perdagangan yang dapat dipupuk serta kedayaannya mempertahankan sempadan-sempadan politik yang ada baik sebelum penjajahan Barat mahupun sebelumnya. Perdagangan seperti diketahui telah dan terus memainkan peranan besar dalam mempengaruhi proses perkembangan kebudayaan Melayu. Kini sempadan-sempadan politik baru merupakan suatu lagi faktor yang berpengaruh keseluruhannya dan dengan itu menghasilkan pusat-pusat budaya baru ataupun mengekalkan pusat-pusat budaya yang telah wujud. Maka boleh disimpulkan bahawa kebudayaan Melayu dalam bentuk rantauannya merupakan suatu warisan bersama yang terus menjalani evolusi: sesuatu proses yang telah bermula semenjak zaman silam. Tentu beberapa parameter-parameter sosial, politik dan ekonomi telah berubah namun kebudayaan Melayu di peringkat tempatan terus berkembang.

Maka apa yang diperlukan dalam menentukan arah-arrah perkembangan kebudayaan Melayu ialah tidak lain daripada usaha-usaha memahami bagaimana tiap-tiap bentuk kebudayaan Melayu menyesuaikan dirinya dengan parameter-parameter baru yang telah wujud itu dan bagaimana masing-masing memanfaatkannya.

Dalam melakukannya tiap-tiap bentuk kebudayaan harus mencari imbangannya sendiri sesuai dengan keadaan khususnya. Proses seperti ini yang dapat ditafsirkan sebagai "variable adaptation" akan secara bertambah-tambah memperkayakan kebudayaan Melayu dan dengan itu meningkatkan kedudukannya. Kebudayaan Melayu peringkat tempatan perlu dilihat sebagai variasi daripada suatu tema yang sama tetapi tetap berubah juga.

Itulah sebabnya konsep *langue* dan *parole* dianggap amat sesuai untuk menggambarkan kedudukan kebudayaan Melayu. *Langue* merupakan pencapaian kolektif dalam kebudayaan Melayu iaitu pencapaian budaya terhasil dari sumbangan-sumbangan berlainan masyarakat-masyarakat Melayu berlainan semenjak zaman silam. Nyatalah bahawa ketegasan, keteraturan, ketrampilan dan keteguhan *langue* tersebut bergantung kepada kekuatan dan tenaga (*vitality*) tiap-tiap suatu kebudayaan Melayu tempatan iaitu bentuk *parolenya*.

Berasaskan pada huraian tersebut tadi cabaran selanjutnya ialah pembentukan suatu tamadun Melayu dari kebudayaan Melayu yang wujud dalam bentuk-bentuk berlainannya. Soal yang timbul dalam menghadapi cabaran tersebut ialah apakah dasar-dasar atau ramuan-ramuan budaya yang diharuskan atau boleh digunakan untuk memakbulkannya?

Mungkin dasar-dasar yang boleh dijadikan pertimbangan serius ialah bahasa Melayu dan agama Islam. Bahasa Melayu akan terus menjadi wahana untuk pernyataan dan pemikiran.

Begitu juga agama Islam akan terus menjadi kepercayaan bersama serta menentukan ukuran-ukuran akhlak yang dianggap sempurna. Bagaimana kedua-dua dasar akan dilaksanakan atau direalisasikan akan bergantung kepada golongan-golongan elita dalam masyarakat Melayu baik yang berhaluan lama mahupun yang tidak. Boleh disimpulkan bahawa kebudayaan Melayu rantauan dan kebudayaan Melayu tempatan akan bergantung secara langsung kepada mutu serta orientasi budaya golongan-golongan elitanya baik tradisional mahupun yang sedang wujud. Peranan golongan-golongan elita dalam menentukan proses pembangunan kebudayaan amatlah penting oleh kerana pada merekalah terletak tanggungjawab untuk meningkat serta menyebarkan ukuran-ukuran baru dalam pembangunan budaya. Cabaran selanjutnya ialah bagaimana menjadikan kebudayaan elita tersebut kebudayaan masyarakat umum. Dalam hal ini pembentukan tamadun Melayu bergantung kepada pembentukan budaya elita. Dilihat demikian implikasi-implikasinya buat pembentukan dasar-dasar pembangunan budaya adalah nyata.

Dalam mengertikan pembangunan budaya ada dua kenyataan yang harus diterima iaitu sikap terhadap warisan budaya dan kesediaan menghadapi kehendak-kehendak hidup yang berubah-ubah. Sekiranya sikap terhadap warisan budaya itu berbentuk ketat bermakna kebudayaan itu telah beku laksana pameran muzium iaitu yang cuma menarik perhatian penonton. Sebaliknya jika kebudayaan itu merupakan tindak-balas terhadap hidup sebenar maka potensi penuhnya akan dikembangkan.

Bagaimanapun pembangunan tamadun Melayu adalah berselarasan dengan pembangunan bahasa Melayu dan agama Islam. Kini struktur masyarakat Melayu

bertambah-tambah berubah menjadi sesuatu yang mengutamakan kebolehan dan pencapaian. Dengan itu boleh dikatakan beberapa nilai tradisional turut terpengaruh dan mungkin diganti lama kelamaannya. Apakah kesannya terhadap bahasa Melayu baik dari segi pemakaian dan pertumbuhannya? Dan apakah agama Islam akan turut menyokong perkembangan-perkembangan baru tersebut tadi?

Tidak dinafikan bahawa perkembangan bahasa Melayu kini menampakkan perkembangan-perkembangan baru tersebut dalam istilah dan gaya pertuturan yang pada dasarnya menegaskan kejelasan dan ketepatan sesuai dengan gaya komunikasi semasa. Pada amalan agama pula yang ditegaskan adalah aspek penyokongnya untuk pembangunan. Kedua-dua jenis perkembangan boleh dianggap penyebab atau hasil dari suatu kenyataan yang sama. Soalnya apakah kedua-dua perkembangan dapat dikendalikan demi mengujudkan sebuah kebudayaan Melayu hidup bergetar dan dengan itu membentuk tamadun Melayu pada abad-21. Sebuah tamadun harus memperolehi kekuatan-kekuatannya dari konteks tempatannya. Hanya dengan cara demikian maka dapatlah dicapai identiti dan tujuannya. Ihamnya sebuah tamadun harus wujud dari pembina-pembinanya sendiri. Maka oleh itu mungkin memanfaatkan jika difikirkan apakah dasar yang boleh dianggap sesuai dan praktikal untuk mencapainya.

\*\*\*\*\*

## **Bibliografi**

1. Soedjatmoko et al (ed), *An Introduction to Indonesian Historiography*, Cornell University Press, Ithaca. New York, 1965.
2. O W Wolters, *History, Culture and Religion in Southeast Asian Perspectives*, Institute of Southeast Studies. Singapore, 1982.
3. R O Winstedt, *The Malays - A Cultural History* (revised and updated by Tham Seong Chee). Graham Brash, Singapore, 1981.
4. Roland Robertson, *Globalization - Social Theory and Global Culture*, Sage Publications. London, 1992.
5. Peter Berger, *The Capitalist Revolution*, Basic Books. New York, 1986.
6. Tham Seong Chee, *Defining "Malay"*, Occasional Paper Series, Department of Malay Studies, NUS, No 6. 1993.
7. I Wallerstein, *The Modern World System*, Academic Press. New York, 1974.
8. Anthony Reid & David Marr (ed), *Perceptions of the Past in Southeast Asia*, Heinemann Educational Books (Asia). Kuala Lumpur, 1979.
9. Anthony Reid & Lance Castles (ed), *Pre-Colonial State Systems in Southeast Asia*, MBRAS, No 6, 1975.

## OTHER TITLES IN THE SERIES

1. Noor S I, "Sastera Melayu Singapura; Penulis dan Ketukanganannya (Satu Pengalaman)", No 1/2, 1990/91.
2. Masuri S N, "Penulis dan Ketukanganannya", No 1/2, 1990/91.
3. Syed Isa bin Mohamed Semait, "Amalan Islam Dalam Sebuah Negara Sekular", No 2, 1990/91.
4. Muhammad Ariff Ahmad, "Bahasa Melayu Pada Hari Ini: Satu Pandangan Peribadi", No 3, 1990/91.
5. Sidek Saniff, "Education and Singapore Malay Society: Prospects and Challenges", No 4, 1990/91.
6. Zainul Abidin Rasheed, "Muis and Mendaki: Current and Future Challenges", No 5, 1991/92.
7. Tham Seong Chee, "Defining 'Malay'", No 6, 1992/93.
8. Laurent Metzger, "Introducing Modern Malay Literature: The Thematic Approach", No 7, 1992/93.
9. Zulkifli Mohammed, "Majlis Pusat: Contemporary Developments and Future Challenges", No 8, 1992/93.
10. Abdullah Tarmugi, "Development of the Malay Community in Singapore: Prospects and Problems", No 9, 1992/93.
11. Harry G Aveling, "Contemporary Literary Theory and the Study of Malay Literature", No 10, 1992/93.